

# 52 lelaki ditahan disyaki teroka REE secara haram

Berita Harian 8/2/2023 (Page 4)

## Operasi JPNK sejak Rabu lalu turut sita pelbagai peralatan, mesin

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Sik:** Seramai 52 lelaki ditahan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) ketika sedang menjalankan aktiviti penerokaan unsur nadir bumi (REE) secara haram dalam Hutan Simpan Bukit Enggang, di sini.

Dalam operasi yang dilakukan sejak Rabu lalu, JPNK turut menyita peralatan dan mesin yang digunakan untuk aktiviti terbabit.

Pengarah JPNK, Muhammad Abdullah, berkata tangkapan itu dilakukan pihaknya pada Rabu lalu, manakala peralatan dan mesin yang disita dikeluarkan daripada lokasi secara berperingkat.

“Kita masih melakukan siasatan lanjut dan akan mendapatkan kelulusan Timbalan Pendakwa Raya untuk proses perundangan terhadap semua lelaki terbabit.

“Saya tidak boleh mengulas lanjut mengenai kes ini kerana tidak mahu mengganggu siasatan,” katanya kepada *BH*, semalam.

*BH* dalam laporan muka depannya Isnin lalu mendedahkan tinjauan wartawan pada awal minggu lalu di lokasi berkenaan mendapati selepas kira-kira empat bulan kes kecurian REE di Hutan Simpan Bukit Enggang dikesan, kerja penggalan dilapor-



### Eksplorasi atau curi unsur nadir bumi?

Kegiatan penerokaan unsur nadir bumi (REE) secara tidak sah di kawasan Hutan Simpan Bukit Enggang sejak Selasa telah menimbulkan kecurigaan kerana sering berlaku menyalahgunakan kebenaran diberikan kerajaan negeri kepada sebuah syarikat tempatan dan luar negara untuk melakukan kajian, penyelidikan berkaitan REE di lokasi tersebut sebagai langkah penerokaan REE di Kedah.

Keratan akhbar *BH*, Isnin lalu.

kan kembali di lokasi berkenaan.

Bagaimanapun, ketika itu tidak pasti sama ada ia adalah eksplorasi yang dibenarkan kerajaan negeri atau aktiviti mencuri bijih sangat berharga itu berulang lagi.

Aktiviti perlombongan haram unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di Bukit Enggang, Sik pada mulanya dikesan September tahun lalu dengan unsur nadir bumi yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM391,360.91.

Oktober tahun lalu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor mengesahkan berlakunya kegiatan mencuri REE di Hutan Simpan Bukit Enggang, Sik, namun tidak membabitkan syarikat yang dibenarkan melakukan kajian di tapak berkenaan.

Beliau dilaporkan berkata, dua kompaun berjumlah RM630,000 dikenakan terhadap seorang lelaki warga China yang didapati melakukan kegiatan itu.

Bagi kesalahan melombong REE tanpa kebenaran dia dikenakan kompaun di bawah Seksyen 429B Kanun Tanah Negara (KTN) (Akta 828).

Sebelum ini, kerajaan negeri mengumumkan simpanan NR-REE di Kedah dianggar bernilai lebih RM60 bilion, kebanyakan



Sebahagian peralatan dan mesin yang disita JPNK.

(Foto ihsan pembaca)

nya berada sekitar Sik dan Ulu Muda.

### Lega kegiatan lumpuh

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Chong dekat sini yang enggan namanya disiarkan, berkata pelbagai peralatan dan mesin yang disita Jabatan Perhutanan dibawa keluar sejak Sabtu lalu, dengan diiringi kenderaan penguat kuasa JPNK dan polis.

Katanya, sebahagian penduduk kampung berasa lega dan berpuas hati melihat kegiatan itu dapat dilumpuhkan selepas kali pertama dikesan pada akhir tahun lalu.

“Penduduk memang hairan melihat kenderaan serta bahan yang dipercayai untuk aktiviti ini dibawa masuk ke Bukit Enggang, ingatkan kerajaan negeri mahu mulakan aktiviti pene-

rokaan REE, rupanya tidak, ia dilakukan secara haram oleh pihak lain.

“Setiap kenderaan yang keluar masuk di sini kami akan cam, jika nampak berlainan sikit kami boleh syak kenderaan ini untuk aktiviti selain daripada projek solar dan tanaman Musang King.

“Mereka yang terbabit aktiviti teroka REE ini tidak boleh berbahasa Melayu dipercayai bukan rakyat Malaysia. Kami sebagai penduduk rasa tak tenang apabila orang luar yang menceroboh tempat kita,” katanya.

Beliau berharap kerajaan lebih peka dengan kegiatan lombong REE secara haram ini dan meminta kerajaan bertindak cepat kerana bimbang hasil kekayaan negara akan dikaut orang luar.